

# Pengukuran Prestasi Sumber Maklumat Elektronik: Pendekatan E-Metrics

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir**

## Pengenalan

Sumber maklumat elektronik semakin berkembang dan mengisi ruang koleksi perpustakaan akademik di seluruh dunia. Selaras dengan perkembangan ini, pustakawan perlu mengenal pasti dan memahami pelbagai isu dan cabaran dalam aspek langganan serta penawaran sumber maklumat elektronik kepada para pengguna. Pada 7 - 8 Mei 2007, Bengkel Pangkalan Data Komersil telah diadakan di Hotel Residence, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan dihadiri oleh para Pustakawan Siri. Bengkel tersebut diadakan khusus untuk membincangkan aspek perjanjian lesen, pola penggunaan sumber dan rundingan harga pintar.

## Inisiatif Pengukuran Prestasi Sumber Elektronik

Pengukuran prestasi sumber elektronik semakin penting untuk membantu proses membuat keputusan berhubung aspek penentuan peruntukan, pemilihan sumber dan pembangunan perkhidmatan atas talian. Antara inisiatif pengukuran sumber dan perkhidmatan elektronik ialah E-Metrics yang dibangunkan oleh Association of Research Libraries (ARL), International Coalition of Library Service (ICOCL), International Standards Organization (ISO), EQUINOX, LibECON dan LibQUAL.

## Elemen Pengukuran E-Metrics

E-Metrics memberi penumpuan kepada pengukuran komponen perkhidmatan dan sumber elektronik. Sumber elektronik merujuk kepada semua sumber rangkaian meliputi pangkalan data langganan institusi (perpustakaan), pangkalan data konsortium, pangkalan data agregat, pangkalan data penerbit dan sumber Web. Sumber ini seterusnya diakses melalui rangkaian di dalam perpustakaan, rangkaian kampus dan secara jarak jauh (*remote*) melampaui rangkaian kampus. Perkhidmatan rangkaian yang diberi penekanan oleh E-Metrics meliputi akses kepada portal, laman web, program literasi maklumat secara atas talian, perkhidmatan rujukan melalui telefon dan mel elektronik, perkhidmatan rujukan maya, perkhidmatan pembekalan bahan dan infrastruktur teknologi maklumat.

## Kepentingan E-Metrics Kepada Perpustakaan

Pustakawan Siri dan mereka yang mengendalikannya operasi sumber elektronik amat memerlukan hasil pengukuran ini. E-Metrics boleh membantu dalam aspek membuat keputusan berkaitan langganan, modifikasi komponen langganan, pembatalan atau penerusan langganan. Pengumpulan maklumat mengenai bajet membolehkan perpustakaan memahami aliran dan impak sumber maklumat elektronik kepada para pencari maklumat.

## Komponen Pengumpulan Data

Pengumpulan data pengukuran E-Metrics berasaskan lima komponen utama iaitu infrastruktur, kandungan maklumat, perkhidmatan maklumat, sokongan dan komponen pengurusan. Artikel ini akan hanya memberi tumpuan kepada 12 aspek pengumpulan data seperti berikut:

- › Bilangan jurnal teks penuh
- › Bilangan sumber rujukan elektronik
- › Kos jurnal elektronik teks penuh
- › Kos sumber rujukan elektronik
- › Kos buku elektronik
- › Peruntukan untuk kemudahan bibliografik, rangkaian dan konsortium
- › Peruntukan luaran untuk kemudahan bibliografik, rangkaian dan konsortium
- › Bilangan transaksi rujukan elektronik
- › Kos sumber rujukan elektronik
- › Bilangan pertanyaan dalam pangkalan data elektronik
- › Bilangan permohonan bahan dalam pangkalan data elektronik
- › Kunjungan maya ke laman web dan katalog atas talian perpustakaan

## Konsep Dan Kaedah Pengumpulan Data Bilangan Jurnal Teks Penuh

**KONSEP** Jurnal teks penuh atas talian hanya mengambil kira bilangan jurnal yang ditawarkan oleh penerbit ilmiah, badan atau institusi ilmiah dan jurnal yang dilanggan melalui platform perkhidmatan atas talian seperti *Electronic Contents Online (ECO)*, *EBSCO Online*, *SwetsWise* dan *Highwire*.

**KAEDAH** Bilangan judul jurnal dalam format elektronik

## Bilangan Sumber Rujukan Elektronik

**KONSEP** Sumber rujukan elektronik meliputi pangkalan data agregat, indeks, abstrak, pangkalan data akhbar, tesis dan pangkalan data mengandungi bahan-bahan rujukan.

**KAEDAH** Bilangan pangkalan data

## Bilangan Buku Elektronik

**KONSEP** Ia meliputi buku elektronik yang dilanggan melalui pembekal buku elektronik, bilangan tesis dalam format digital dan bahan monograf dalam pangkalan data tempatan.

**KAEDAH** Bilangan judul buku elektronik

## Bilangan Transaksi Rujukan Elektronik

**KONSEP** Ini meliputi pertanyaan rujukan yang diterima dan dikendalikan dalam format elektronik sama ada melalui mel elektronik, perkhidmatan berasaskan web, telefon dan rangkaian komunikasi yang lain.

**KAEDAH** Perpustakaan perlu merekodkan transaksi pertanyaan rujukan elektronik untuk tujuan pengumpulan data. Data berdasarkan bilangan permohonan dan bukannya bilangan soalan yang diterima.

## Bilangan Login / Sesi Pangkalan Data Elektronik

**KONSEP** Merujuk kepada bilangan pengguna yang memasuki sesuatu pangkalan data dan menamatkan sesi kunjungan melalui butang keluar atau secara automatik melalui penamatan tempoh masa. Pengambilan data meliputi semua pangkalan data langganan dan pangkalan data yang dibangunkan oleh institusi.

**KAEDAH** Perpustakaan boleh memanfaatkan kemudahan laporan penggunaan yang ditawarkan oleh penerbit sumber elektronik atau pihak pembekal. Kebanyakan pangkalan data telah mematuhi piawaian *e-Counter* yang memuatkan maklumat login sebagai salah satu aspek laporan penggunaan.

## Bersambung di Keluaran Akan Datang